

Oleh Nor 'Asyikin  
Mat Hayin  
asyikin.mat@hmetro.com.my

# Buah terbaik dunia

Teknologi baharu, teknik agronomi hasil durian berkualiti tinggi



Pilih durian berduri pendek dan jarang untuk isi yang padat serta pastikan kesan rekahan pada kulit”

Dr Mohd Firdaus Ismail

berbentuk bulat dan lonjong juga baik kerana isinya penuh.

Begitu juga dengan tangkai, pastikan tiada kesan potong pada tangkai durian.

“Pilih durian berduri pendek dan jarang untuk isi yang padat serta pastikan kesan rekahan pada kulit,” katanya.



aplikasi teknik penanaman dan penjagaan betul dan bersesuaian, maka hasil dapat ditingkatkan,” katanya.

Mengenai panduan memilih durian, Dr Mohd Firdaus berkata, secara umum-

nya, paling penting ialah memilih buah segar yang gugur secara semula jadi.

“Sebaik-baiknya makan durian gugur dalam tempoh kurang 24 jam atau tidak menikmati rasanya yang asli.

“Perkembangan teknologi membolehkan durian disimpan segar untuk tempoh lebih lama bagi pasaran eksport,” katanya.

Menurut beliau, durian

Firdaus berkata, iklim Malaysia di kawasan Khatulistiwa menyebabkan durian sesuai ditanam sepanjang tahun.

Katanya, durian sejenis tumbuhan lasak dan boleh hidup di kebanyakan tanah di Malaysia kecuali tanah bermasalah.

“Cuma hasilnya bergantung kepada cara penanaman dan penjagaan.

“Ditambah pula dengan

“Selain itu, faktor tawaran dan permintaan turut mempengaruhi kenaikan harga durian tahun ini serta komoditi pertanian lain.

“Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini memberi kesan terhadap harga durian kerana pergerakan pengangkutan terbatas. Maka jaringan pemasaran tidak dapat dilakukan lebih meluas,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Mohd

Kuala Lumpur

Perkembangan teknologi baharu dan penyebaran teknik agronomi meluas serta tepat bukan sahaja membantu meningkatkan pengeluaran durian malah menjadikannya lebih berkualiti.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Tanaman Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Firdaus Ismail berkata, kualiti durian di Malaysia antara terbaik di dunia dan semakin dikenali di luar negara.

“Sebab itu permintaan terhadap durian Malaysia sentiasa meningkat sejak 10 tahun kebelakangan ini.

“Ia dibantu dengan penjenamaan kukuh (durian) dan dipercayai.

“Ini hasil usaha kerajaan selain aktiviti pemasaran pengusaha durian bagi memasarkan raja buah ke pasaran antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata, itu antara faktor harga durian di pasaran tempatan melambung.